

Newspaper : **Utusan Malaysia**Date : **20th November 2013**Title : **Bina Puri Properties, Sentosa Jaya bekerjasama laksana projek di Kota Bharu**

Bina Puri Holdings Bhd

(207184-X)

Section : **Bisnes** Page : **18**

Bina Puri Properties, Sentosa Jaya bekerjasama laksana projek di Kota Bharu



KUALA LUMPUR 19 Nov. - Bina Puri Properties Sdn. Bhd. (BPPSB), anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd. (BPHB) bekerjasama dengan Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd. (SJDSB) untuk melaksanakan pembangunan pangsapuri servis usaha sama dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM148.7 juta.

Projek Sentosa Residence, di Kota Bharu, Kelantan merupakan empat blok 28 tingkat yang terdiri daripada 393 unit kediaman, 10 unit kedai dan 11 unit pejabat.

Pengerusi BPPSB, Tan Sri James Foong Cheng Yuen berkata, Sentosa Residence merupakan pembangunan oleh Bina Puri di Kelantan selepas berjaya menyiapkan bangunan kampus Bachok di Universiti Malaysia Kelantan.

"Bina Puri mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam bidang pembinaan dan pembangunan hartanah di dalam mahupun luar negara justeru usaha sama ini memperlihatkan komitmen kami menyediakan projek pembangunan ber-

INFO

PROJEK HARTANAH 2013, 2014 BINA PURI PROPERTIES

- **Sentosa Residence** - nilai pembangunan kasar (GDV) RM148.7 juta (Kota Bharu)
- **One Jesselton** - GDV RM84.6 juta (Kota Kinabalu)
- **Jesselton View** - GDV RM61 juta (Kota Kinabalu)
- **The Opus** - GDV RM290 juta (Jalan Tallala, Kuala Lumpur)
- **Ocean View** - GDV RM143.6 juta (Miri, Sarawak).

kualiti kepada masyarakat.

"Projek Sentosa Residence justeru telah meningkatkan GDV projek hartanah kumpulan kepada RM3,074,5 ribu, yang meliputi projek di seluruh Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian usaha sama di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Urusan BPHB, Tan Sri Tee Hock Seng, Pengarah Urusan SJDSB, Datuk Razali Daud dan Pengarah SJDSB, Razif Razali.

Pembinaan Sentosa Residence dijangka bermula suku kedua tahun 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 36 bulan.

DR. JAMES Foong Cheng Yuen (dua dari kiri) bertukar perjanjian persefahaman dengan **Razali Daud** sambil disaksikan **Tee Hock Seng** (kiri) dan **Razif Razali** (kanan) selepas majlis menandatangani perjanjian pelaksanaan projek Sentosa Residence di Wisma Bina Puri Bukit Idaman, Selayang, Kuala Lumpur, semalam.

CHIYODA

From : Group Corporate Communication Department

Date : 20th November 2013

Subject : Bina Puri News Update